

Dr M kecewa tiada perubahan isu AP

BH - 21/2/2006

GEORGETOWN: Tun Dr Mahathir Mohamad kecewa kerana belum ada perubahan terhadap dasar pemberian permit import (AP), walaupun isu berkenaan sudah lama dibangkitkan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, AP masih diberikan kepada orang tertentu dengan alasan mereka sudah ada perjanjian dengan pembekal kereta di luar negara.

"Kalau orang lain nak, mestilah berjumpa dengan mereka yang men-

dapat AP. Jadi, tafsiran saya ialah tiada perubahan... masih lagi orang itu yang dapat (AP)," katanya.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan umum 'Membangun Negara' di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam.

Mengenai keputusan Proton Holdings Bhd tidak akan menjual Lotus Group International Ltd (Lotus), beliau menyambut baik.

Beliau menjelaskan, niat sebenar

bekas Ketua Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff menyatakan kesediaan untuk membeli syarikat itu ialah kerana tidak mahu Lotus dijual.

"Sebenarnya Tengku Mahaleel tidak mahu Lotus dijual, sebab itu dia buat tawaran (untuk beli). Kalau Lotus nak dijual harga £1, dia akan beli.

"Kalau nak jual Lotus, mesti tawar kepada dia dulu. Jadi, nampaknya tak jadi la jual... Itu mungkin strategi

Tengku Mahaleel," katanya.

Terdahulu, pada sesi soal jawab syarahan itu, Dr Mahathir berkata, penguasaan pasaran kereta nasional keluaran Proton mungkin merosot kepada 10 hingga 20 peratus jika tiada perlindungan diberikan.

Beliau memberi contoh persetujuan kerajaan membenarkan kemasukan kereta Jepun tanpa dikenakan cukai yang ditandatangani baru-baru ini yang boleh menjejaskan kereta nasional.